



NEGERI PAHANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 65  
No. 6

**15hb Mac 2012**

*TAMBAHAN*  
*No. 1*

---

KANUN TANAH NEGARA  
(Akta 56 tahun 1965)

**No. 468.**

(Seksyen 187B)

NOTIS MENGENAI NIAT HENDAK MENGELOUARKAN DOKUMEN HAKMILIK  
KELUARAN BERSYARAT YANG BARU

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran bersyarat bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Dokumen pelan hakmilik keluaran komputer (DHKK) hilang. Surat Akuan Perserahan 83/2012.

## JADUAL

Mukim—Mentakab. No. P.T.—10743. Perihal dan No. Hakmilik—H.S.(D) 13423. Luas—293.420 meter persegi.

Bertarikh 22 Februari 2012  
[PTG.Phg. 08/0009/2012-SH]

*Pendaftar Hakmilik Tanah  
Pahang*

**No. 469.**

(Seksyen 187B)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN DOKUMEN  
HAKMILIK KELUARAN SEMENTARA YANG BARU

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran (DHKK) H.S.(M) 2996 P.T. 3436 Mukim Ulu Jelai telah hilang dalam simpanan.

## JADUAL

Mukim—Ulu Jelai. No. P.T.—3436. Perihal dan No. Hakmilik—H.S.(M) 2996. Luas—971 meter persegi.

Bertarikh 23 Jun 2011  
[PTL.Pen. 15/002/2011]

*Pentadbir Tanah  
Lipis*

**No. 470.**

(Seksyen 261)

## SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Mek Kecheh binti Mohd Diah yang beralamat di 18 Jalan Idaman Jaya 4, Taman Idaman Jaya, 26800 Kuala Rompin, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada tuan/puan pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Bilik Penolong Pegawai Tadbir (Tanah), Pejabat Tanah Rompin pada 28 Mac 2012 jam 11.30 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak perlu dibuat.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Rompin Daerah Rompin. No. Lot—5235. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1115. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 731/2005.

Bertarikh 24 Februari 2012  
[P.T.Rom. 4/2/0002/2009]

*Pentadbir Tanah  
Rompin*

**No. 471.**

(Seksyen 261)

## SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Abdul Halim bin Alib yang beralamat di 11-B Jalan Sulaiman, 86800 Mersing, Johor, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada tuan/puan pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Bilik Penolong Pegawai Tadbir (Tanah), Pejabat Tanah Rompin pada 28 Mac 2012 jam 10.30 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak perlu dibuat.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Tioman Daerah Rompin. No. P.T.—199. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 193. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 184/1996.

Bertarikh 24 Februari 2012  
[P.T.Rom. 4/2/0008/2009]

*Pentadbir Tanah  
Rompin*

**No. 472.**

(Seksyen 261)

## SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Hasnan bin Mahasan dan Norhaidawati binti Mat Haron yang beralamat di 45 Tingkat Atas, Jalan Wawasan, 26800 Kuala Rompin, Pahang dan/atau 360 Kampung Padang Polo, 26600 Pekan, Pahang, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada tuan/puan pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Bilik Penolong Pegawai Tadbir Pejabat Tanah Rompin pada 28 Mac 2012 jam 11.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak perlu dibuat.

**JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN**

Mukim—Rompin Daerah Rompin. No. Lot—3359. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1108. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 364/2007.

Bertarikh 24 Februari 2012  
[P.T.Rom. 4/2/0008/2010]

*Pentadbir Tanah  
Rompin*

**No. 473.**

(Seksyen 257 dan 263)

**PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN**

Saya, Sazali bin Hamzah, Penolong Pentadbir Tanah Daerah Bentong, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelongan awam, yang akan diadakan pada 18 April 2012 jam 10.00 pagi di Perkarangan Pejabat Tanah Bentong; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM135,000.00 (Ringgit Malaysia: Seratus Tiga Puluh Lima Ribu sahaja).

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM60,305.13 (sehingga 6-10-2011). Nama Pemegang Gadaian Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, 25 & 26 Bandar Raub Perdana, 27600 Raub, Pahang.

3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM13,500.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Belas Ribu Lima Ratus sahaja);
- (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
- (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
  - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
  - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;

- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh (120) hari daripada tarikh jualan iaitu tidak lewat dari tarikh 16 Ogos 2012 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Sabai. No. Lot—2843. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 278. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 440/2008. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 22 Februari 2012  
[P.T.Btg. 5/S/573]

SAZALI BIN HAMZAH  
*Penolong Pentadbir Tanah*  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
*Bentong*

**No. 474.**

(Seksyen 257 dan 263)

## PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Sazali bin Hamzah, Penolong Pentadbir Tanah Daerah Bentong, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelongan awam, yang akan diadakan pada 25 April 2012 jam 11.00 pagi di Perkarangan Pejabat Tanah Bentong; dan
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM300,000.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Ratus Ribu sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM67,223.85 (setakat 24-11-2011). Nama Pemegang Gadaian Affin Bank Berhad, Tingkat 17, Menara Affin, 80 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM30,000.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Puluh Ribu sahaja);
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul diatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;

- (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
  - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
  - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh (120) hari daripada tarikh jualan iaitu tidak lewat dari tarikh 23 Ogos 2012 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutahak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Bentong. No. P.T.—1056. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 895. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 462/1984, Jilid 21, Folio 42. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 28 Februari 2012  
[P.T.Btg. 5/B/577]

SAZALI BIN HAMZAH  
*Penolong Pentadbir Tanah*  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
*Bentong*

**No. 475.**

[Perenggan 261(1)(c)]

## SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR SIASATAN

Di Pejabat Tanah Maran, dalam Negeri Pahang.

## DI ANTARA

BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD

PEMEGANG  
GADAIAN

## DAN

ABU BAKAR BIN DAUD  
(KP. 3130657)

PENGGADAI

Kepada Abu Bakar bin Daud (KP. 3130657) yang beralamat di B-107 Felda Jengka 17, 26400 Bandar Jengka, Pahang.

Ambil perhatian bahwasanya pemegang gadaian ke atas tanah yang tersebut di dalam Jadual di bawah telah membuat permohonan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara supaya Perintah Jual dikeluarkan di atas tanah tersebut.

Sila ambil perhatian bahawa siasatan berhubung dengan permohonan pemegang gadaian akan diadakan pada 22 Mac 2012 (Khamis) jam 10.00 pagi bertempat di Bilik Penolong Pegawai Daerah (Tanah), Pejabat Daerah dan Tanah Maran, Pahang.

Tuan/puan adalah dikehendaki hadir bagi menunjukkan sebab mengapa Perintah Jual tersebut tidak boleh dibuat. Kegagalan tuan/puan untuk berbuat demikian boleh mengakibatkan Perintah Jualan dikeluarkan berdasarkan seksyen 263(3) Kanun Tanah Negara 1965.

#### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim	No. P.T.	Jenis dan No. Hakmilik	Bahagian Tanah (jika ada)	No. Berdaftar Pajakan/ Pajakan Kecil (jika ada)	No. Berdaftar Gadaian (jika ada)
H.S.(M)					
Chenor	18832	17612	Semua Bahagian	Tiada	No. Perserahan 755/2007
Chenor	18370	17613	Semua Bahagian	Tiada	No. Perserahan 755/2007

Bertarikh 5 Mac 2012  
[PTM. 4/3/0013 (2011)]

*Pentadbir Tanah  
Maran*

**NOTIS-NOTIS AM****No. 476.****KANUN TANAH NEGARA**

(Akta 56 tahun 1965)

(Seksyen 254)

**NOTIS KEMUNGKIRAN MENGENAI SUATU GADAIAN**

Kepada Azidi bin Alifiah (KP. 660502-11-5259/A0371117), yang beralamat 70 Jalan Pelindung Maju 1, Taman Pelindung Maju, 26100 Kuantan, Pahang. Penggadai di bawah gadaian yang diterangkan dalam Jadual di bawah bagi tanah yang diterangkan itu.

Bahawasanya, kamu telah melakukan suatu pelanggaran peruntukan-peruntukan gadaian ini dengan gagal untuk membayar hutang pembiayaan Prinsip Al-Bai Bithaman Ajil sebanyak RM187,778.93 setakat 2-11-2011 sepermula yang dikehendaki dalam perenggan dua (2) Lampiran Gadaian.

Dan bahawasanya pelanggaran itu telah berterusan bagi tempoh sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh notis itu disampaikan.

Kami, sebagai Penerima Gadaian dengan kehendak-kehendak kuasa yang diberi oleh seksyen 254 Kanun Tanah Negara, dengan ini menghendaki kamu dalam tempoh tujuh (7) hari dari penyampaian notis ini supaya memperbetulkan pelanggaran itu.

Dan sila ambil perhatian bahawa, jika kamu gagal memperbetulkan pelanggaran tersebut dalam tempoh itu, kami akan memohon untuk perintah jualan.

**JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN**

Mukim	No. P.T.	Jenis dan No. Hakmilik	Bahagian Tanah (jika ada)	No. Berdaftar Pajakan/ Pajakan Kecil (jika ada)	No. Berdaftar Gadaian (jika ada)
H.S.(M)					
Beserah	3145	1841	Kesemua	Tiada	No. Perserahan 6445/2002 Tarikh 19-8-2002
Daerah Kuantan					

(Satu (1) Hakmilik sahaja)

Bertarikh 22 November 2011

*Pemegang Gadaian  
Bank Islam Malaysia Berhad  
Surat Kuasa Wakil Pejabat  
Tanah dan Daerah Kuantan  
MOHD ZUHDI BIN YAHYA  
(KP. 701113-03-5771)  
Perserahan No.: P.T. 71/2006  
Tarikh 27-4-2006*

**No. 477.****KANUN TANAH NEGARA**

(Akta 56 tahun 1965)

(Seksyen 254)

**NOTIS KEMUNGKIRAN MENGENAI SUATU GADAIAAN**

Kepada Zed bin Abd Rahim (KP. 771016-01-5393), yang beralamat 20 Lorong Alor Akar 68, Taman Armir, 25250 Kuantan, Pahang. Penggadai di bawah gadaian yang diterangkan dalam Jadual di bawah bagi tanah yang diterangkan itu.

Bahawasanya, kamu telah melakukan suatu pelanggaran peruntukan-peruntukan gadaian ini dengan gagal untuk membayar hutang pembiayaan Prinsip Al-Bai Bithaman Ajil sebanyak RM218,519.88 setakat 7-6-2011 sepermata yang dikehendaki dalam perenggan dua (2) Lampiran Gadaian.

Dan bahawasanya pelanggaran itu telah berterusan bagi tempoh sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh notis itu disampaikan.

Kami, sebagai Penerima Gadaian dengan kehendak-kehendak kuasa yang diberi oleh seksyen 254 Kanun Tanah Negara, dengan ini menghendaki kamu dalam tempoh tujuh (7) hari dari penyampaian notis ini supaya memperbetulkan pelanggaran itu.

Dan sila ambil perhatian bahawa, jika kamu gagal memperbetulkan pelanggaran tersebut dalam tempoh itu, kami akan memohon untuk perintah jualan.

**JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN**

Mukim	No. Lot	Jenis dan No. Hakmilik	Bahagian Tanah (jika ada)	No. Berdaftar Pajakan/ Pajakan Kecil (jika ada)	No. Berdaftar Gadaian (jika ada)
G.M.					
Kuala Kuantan	608 Seksyen 38	2590	Kesemua	Tiada	No. Perserahan 887/2009 Tarikh 9-2-2009 Jilid 30 Folio 14
Daerah Kuantan					
					Tarikh 21-8-1996 Jilid 30 Folio 15 Tarikh 21-8-1996

(Satu (1) Hakmilik sahaja)

Bertarikh 17 Jun 2011

SAMINAN BINTI ARIFIN  
*Ketua Unit Pentadbiran Pembiayaan*

FADZLIYATUN ABDUL JALIL  
*Penolong Pengurus Cawangan*

Pemegang Gadaian  
Bank Kerjasama Rakyat (M) Berhad  
Surat Kuasa Wakil Pejabat  
Tanah dan Daerah Kuantan

**Hakcipta Pencetak (H)****PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA

**PNMB**